



MAJLIS DAERAH JELI

BILANGAN

SEBUTHARGA
MDJ 621.K.SH.17/01

Nama :	No. Siri Pengesahan :
Alamat Pemborong :	Tandatangan Pegawai Yang Bertanggungjawab :
No. MOF :	No. Resit :
Harga Tawaran : RM	Penerimaan :
Tempoh : minggu.
Tandatangan dan Cop Pemborong	Tandatangan Pegawai Yang Bertanggungjawab :

Untuk :

**SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN
(TANPA SENJATA API) DI PEJABAT DAN PADANG ISTIADAT MAJLIS
DAERAH JELI, KELANTAN (MDJ) BAGI KAWALAN KESELAMATAN
PEJABAT MAJLIS DAERAH JELI UNTUK TEMPOH SATU TAHUN
BERMULA 1 JANUARI 2018 HINGGA 31 DISEMBER 2018.**

Tarikh Tutup : 31/10/2017
Masa : (Selasa) 12.00 Tengahari



فجایة مجلس دائرة جلي، كلنتن

PEJABAT MAJLIS DAERAH JELI

Taman Persiaran Indah,
17600 Jeli. KELANTAN.

Tel - 09 9440023 AM
- 09 9440260 S/U
Fax - 09 9440007

Ruj. Kami : MDJ.621.K.SH.17/01
Tarikh : 26hb Muharram 1439H
16hb Oktober 2017

Ke Majlis,

Yang berkenaan,

Tuan/Puan,

SEBUTHARGA BIL : MDJ. 621.K.SH.17/01

SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI PEJABAT DAN PADANG ISTIADAT MAJLIS DAERAH JELI, KELANTAN (MDJ) BAGI KAWALAN KESELAMATAN PEJABAT MAJLIS DAERAH JELI UNTUK TEMPOH SATU TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2018 HINGGA 31 DISEMBER 2018

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa syarikat tuan/puan telah dipilih untuk menyertai tawaran sebutharga yang tersebut di atas.

Tawaran sebutharga di atas adalah **tertakluk kepada syarat-syarat** seperti berikut:

1. **Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (MOF)** dalam kod bidang **220801**. (**Sila majukan salinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah tempohnya sekurang-kurangnya enam (6) bulan untuk rujukan MDJ**).
2. Pendaftaran sebagai kontraktor bumiputera dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang **220801**. (**Sila majukan salinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah tempohnya sekurang-kurangnya enam (6) bulan untuk rujukan MDJ**).
3. Memiliki **Lesen daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN)** bagi menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan (**Sila majukan salinan sijil lesen untuk rujukan MDJ**)
4. **Tempoh sahlaku minima** tawaran sebutharga adalah selama **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tawaran sebutharga.
5. **Tempoh serahan bekalan / tempoh siap kerja / tempoh kontrak** adalah **satu (1) tahun** bermula 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018.
6. Tawaran sebutharga hendaklah **dibuat berdasarkan kepada spesifikasi perkhidmatan** di **Dokumen Sebutharga** yang disertakan bersama surat ini.

7. Sila majukan profail syarikat, Borang 24 dan 49 (Akta Syarikat/Perakuan Pendaftaran Perniagaan (Ordinan) untuk rujukan kami.
8. Sila majukan maklumat tentang pengalaman syarikat tuan/puan dalam perkhidmatan sebegini. (Nyatakan nama agensi/syarikat yang sedang melanggan atau pernah melanggan perkhidmatan tuan untuk rujukan kami).
9. Lawatan Tapak akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 24 Oktober 2017
Masa : 11.00 Pagi
Tempat : Majlis Daerah Jeli

Dimaklumkan sekali lagi agar pihak tuan/puan meneliti dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti diatas bagi mengelakkan tawaran sebutharga tuan/puan ditolak kerana tidak memenuhi syarat-syarat tersebut.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai perkara diatas, sila berhubung terus dengan **En. Saimi bin Hamat atau Pn. Norsemadiah binti Ismail** di talian **09-9440023**.

Tawaran sebutharga ini hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup dan mestilah sampai ke MDJ selewat-lewatnya sebelum atau pada **31hb Oktober 2017 (Selasa) jam 12.00 tengahari** untuk perhatian Unit Pentadbiran seperti di alamat berikut:

**MAJLIS DAERAH JELI,
17600 JELI,
KELANTAN.**

Sila catitkan nombor bilangan tawaran sebutharga di sebelah kiri (atas) sampul surat tawaran. Sebarang sebutharga yang diterima lewat daripada masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

**“ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”**

Saya yang menurut perintah,

.....
MOHD HAFIZ BIN CHE MAHMUD
Setiausaha,
Majlis Daerah Jeli



DOKUMEN SEBUTHARGA

SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI PEJABAT DAN PADANG ISTIADAT MAJLIS DAERAH JELI, KELANTAN (MDJ) BAGI KAWALAN KESELAMATAN PEJABAT MAJLIS DAERAH JELI UNTUK TEMPOH SATU TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2018 HINGGA 31 DISEMBER 2018

NO RUJUKAN SEBUTHARGA: MDJ. 621.K.SH.17/01

MAJLIS DAERAH JELI

KANDUNGAN

KENYATAAN SEBUTHARGA	6
PENGENALAN SEBUTHARGA	9

ITEM	PERKARA	MUKA SURAT
1	ARAHAN AM	11
2	BIDANG KERJA PENYEBUTHARGA	11
3	KEPERLUAN KELAYAKAN PENYEBUTHARGA	12
4	BORANG SEBUTHARGA	12
5	PENYERAHAN SEBUTHARGA	12-13
6	KOS SEBUTHARGA	13
7	HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU	13
8	HAK KEBENARAN MDJ UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK SEBAHAGIAN ATAU SEMUA SEBUTHARGA	14
9	PERJANJIAN KONTRAK	14
10	PENERIMAAN SEBUTHARGA	14
11	KERJA-KERJA PEMBAIKAN & PENYELENGGARAAN	15
12	PERATURAN PELAKSANAAN KERJA PEMBAIKAN & PENYELENGGARAAN	15
13	MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT	16
14	JADUAL BAYARAN	16
15	PENENTUAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN & PENYELENGGARAAN	16-17
16	KEPUTUSAN TAWARAN SEBUTHARGA	17
17	TARIKH TUTUP	17

ITEM	PERKARA	MUKA SURAT
SENARAI SEMAK (LAMPIRAN A)		7
BORANG		
BORANG I: JADUAL HARGA		23
BORANG II: SOAL SELIDIK PROFIL SYARIKAT		24
BORANG II: PENGALAMAN DAN KEUPAYAAN SYARIKAT		25
BORANG IV: BORANG AKUAN SEBUTHARGA		26-27
BORANG V: SURAT AKUAN PEMBIDA		28
BORANG VI : LAMPIRAN Q		29



**MAJLIS DAERAH JELI
PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI KELANTAN**

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam kod bidang **220801** dan berdaftar sebagai kontraktor bumiputera serta memiliki Lesen daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk membuat tawaran bagi sebutharga seperti berikut:

No. Sebutharga : MDJ. 621.K.SH.17/01

SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI PEJABAT DAN PADANG ISTIADAT MAJLIS DAERAH JELI, KELANTAN (MDJ) BAGI KAWALAN KESELAMATAN PEJABAT MAJLIS DAERAH JELI UNTUK TEMPOH SATU TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2018 HINGGA 31 DISEMBER 2018

2. Lawatan tapak akan diadakan pada tarikh seperti berikut:

Tarikh	:	24 Oktober 2017
Masa	:	11:00 pagi
Tempat	:	Majlis Daerah Jeli

3. Dokumen tawaran sebutharga yang telah siap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang ditetapkan di **Unit Pentadbiran, Majlis Daerah Jeli, 17600 Jeli, Kelantan** tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada **31hb Oktober 2017 (Selasa)**. Sebutharga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.
4. Majlis Daerah Jeli tidak bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen sebutharga yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.
5. Keputusan tawaran sebutharga dan syarikat yang berjaya akan disiarkan di dalam Laman Web Majlis Daerah Jeli (www.mdjeli.gov.my). Penyebutharga boleh menyemak status tawaran dalam tempoh diantara **satu (1) bulan hingga dua (2) bulan selepas tarikh tutup sebutharga**. Bagi penyebutharga yang namanya tidak disiarkan di Laman Web Majlis Daerah Jeli adalah dianggap tidak berjaya dalam sebutharga tersebut.

SENARAI SEMAK

**SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API)
DI PEJABAT DAN PADANG ISTIADAT MAJLIS DAERAH JELI, KELANTAN (MDJ) BAGI
KAWALAN KESELAMATAN PEJABAT MAJLIS DAERAH JELI UNTUK TEMPOH SATU
TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2018 HINGGA 31 DISEMBER 2018**

(SEBUTHARGA : MDJ.621.K.SH.17/01)

Sila Tandakan (✓) Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan Dan Sertakan Dokumen Ini (Senarai Semakan) Beserta Dengan Tawaran Sebutharga.

Bil.	Perkara	Untuk Ditanda (✓) Oleh Syarikat	Untuk Ditanda (✓) Jika Ada Dan (x) Jika Tiada Oleh Jawatankuasa Pembuka
1.	Borang I (telah lengkap diisi)		
2.	Borang II (telah lengkap diisi)		
3.	Borang III (telah lengkap diisi)		
4.	Borang IV (telah lengkap diisi)		
5.	Borang V (telah lengkap diisi)		
6.	Borang VI (telah lengkap diisi)		
7.	Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (No. Pendaftaran:)		
8.	Salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) (No. Pendaftaran:)		
9.	Salinan Sijil Lesen daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) (No. Pendaftaran:)		
10.	Profail Syarikat		
11.	Borang 24 dan 49(Akta Syarikat/Perakuan Pendaftaran Perniagaan (Ordinan)		
12.	Lain-lain sekiranya ada (sila catatkan):		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara Bil. (jika ada)</p> <p>Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:</p> <p>Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:</p> <p>Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:</p>

PENGENALAN SEBUTHARGA

SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI PEJABAT DAN PADANG ISTIADAT MAJLIS DAERAH JELI, KELANTAN (MDJ) BAGI KAWALAN KESELAMATAN PEJABAT MAJLIS DAERAH JELI UNTUK TEMPOH SATU TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2018 HINGGA 31 DISEMBER 2018.

(SEBUTHARGA : MDJ 621.K.SH.17/01)

PERINGATAN :

1. Penyebutharga-penyebutharga dikehendaki membaca dan memahami keseluruhan butir-butir dokumen sebutharga sebelum mengemukakan tawaran.
2. Pastikan dokumen sebutharga adalah lengkap di kesemua muka surat. Sekiranya terdapat maklumat lanjut yang diperlukan berkaitan dengan sebutharga adalah menjadi tanggungjawab penyebutharga untuk mendapatkan penjelasan daripada Unit Pentadbiran MDJ (Encik Saimi bin Hamat atau Pn. Norsemadiah binti Ismail) di talian **09-9440023**.
3. Manakala bagi maklumat berkenaan dengan spesifikasi kerja-kerja, penyebutharga hendaklah mendapatkan penjelasan daripada pegawai yang berkenaan di Pejabat Majlis Daerah Jeli, 17600 Jeli, Kelantan di talian **09-9440023**.

BAHAGIAN I

ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUTHARGA

ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUTHARGA

**MAJLIS DAERAH JELI,
17600 JELI,
KELANTAN.**

(Penyebut-Penyebut Harga)

.....
.....
.....

Tuan/Puan,

SEBUTHARGA

SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI PEJABAT DAN PADANG ISTIADAT MAJLIS DAERAH JELI, KELANTAN (MDJ) BAGI KAWALAN KESELAMATAN PEJABAT MAJLIS DAERAH JELI UNTUK TEMPOH SATU TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2018 HINGGA 31 DISEMBER 2018

No Sebutharga : MDJ. 621.K.SH.17/01

1.0 ARAHAN AM

- 1.1 Sebutharga adalah dipelawa dari penyebutharga-penyebutharga yang berkelayakan untuk perkhidmatan kawalan keselamatan (tanpa senjata api) di pejabat dan Padang Istiadat MDJ, Jeli, Kelantan bagi MDJ untuk tempoh satu (1) tahun bermula 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018.

- 1.2 Penyebutharga yang dijemput adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan arahan-arahan yang terdapat dalam dokumen ini. Arahan-arahan dan syarat-syarat yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai syarat kontrak.
Sebutharga yang tidak mengikut syarat- syarat yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.

2.0 BIDANG KERJA PENYEBUTHARGA

- 2.1 Perkhidmatan kawalan keselamatan (tanpa senjata api) di pejabat dan Padang Istiadat MDJ, Jeli, Kelantan bagi MDJ untuk tempoh satu (1) tahun bermula 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018.

3.0 KEPERLUAN KELAYAKAN PENYEBUTHARGA

- 3.1 Sebutharga adalah dipelawa kepada semua kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam kod bidang **220801**.
- 3.2 Pendaftaran sebagai kontraktor bumiputera dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam kod bidang **220801**.

4.0 BORANG SEBUTHARGA

- 4.1 Sebutharga hendaklah dikemukakan di atas **Borang Sebutharga** seperti mana yang ditetapkan pada borang seperti berikut:
 - i. Borang I
 - ii. Borang II
 - iii. Borang III
 - iv. Borang VI
 - v. dan Borang V
- 4.2 Sebutharga-sebutharga yang tidak dikemukakan di atas borang sebutharga yang **berkenaan tidak akan diterima**. Walaubagaimanapun, penyebutharga-penyebutharga boleh mengemukakan borang atau dokumen tambahan mengikut format dinyatakan untuk memberi penerangan-penerangan.

5.0 PENYERAHAN SEBUTHARGA

- 5.1 Sebutharga hendaklah dikemukakan dengan sampul surat berlakri (“sealed”) serta ditandakan seperti berikut:

SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI PEJABAT DAN PADANG ISTIADAT MAJLIS DAERAH JELI, KELANTAN (MDJ) BAGI KAWALAN KESELAMATAN PEJABAT MAJLIS DAERAH JELI UNTUK TEMPOH SATU TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2018 HINGGA 31 DISEMBER 2018

(SEBUTHARGA : MDJ.621.K.SH.17/01)

- 5.2 Penyebutharga hendaklah menghantar satu (1) salinan asal bagi dokumen di atas dan dilabel sebagai “**ORIGINAL**” dan satu (1) salinan lain yang dilabel sebagai “**COPY**”.

- 5.3 Sebutharga hendaklah dihantar secara serahan tangan atau pos dan dialamatkan kepada :-

**Yang Dipertua,
Majlis Daerah Jeli,
17600 Jeli,
Kelantan.
(U.P: Unit Pentadbiran)**

- 5.4 MDJ tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan borang-borang penyertaan sebutharga akibat kesilapan alamat yang dihantar secara pos atau melalui tangan.

6.0 KOS SEBUTHARGA

- 6.1 Penyebutharga mestilah menanggung sendiri semua kos berkaitan dengan penyediaan dan penghantaran sebutharga. MDJ tidak akan bertanggungjawab ke atas kos-kos tersebut.

7.0 HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU

- 7.1 Semua harga sebutharga mestilah di dalam **RINGGIT MALAYSIA** bagi setiap item dan berdasarkan kepada format yang disediakan seperti pada **Borang I** dalam dokumen ini. Jadual harga yang dikemukakan mestilah dinyatakan dalam angka yang tepat bagi unit harga dan jumlah harga.
- 7.2 Harga yang disebutkan dalam sebutharga hendaklah sah laku di dalam tempoh tidak kurang dari sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebutharga.
- 7.3 Dalam keadaan terkecuali, tempoh pengesahan sebutharga yang hampir tamat, MDJ akan meminta penyebutharga untuk menyambung tempoh pengesahan sebutharga tersebut. Permintaan ini dan maklumbalasnya mestilah dibuat secara bertulis.
- 7.4 Penyebutharga yang bersetuju dengan permintaan ini tidak akan dikehendaki atau dibenarkan mengubahsuai sebutharganya tetapi dikehendaki untuk melanjutkan tempoh pengesahan sebutharganya.

8.0 MDJ BERHAK UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK SEBAHAGIAN ATAU SEMUA SEBUTHARGA

- 8.1 MDJ tidak terikat untuk menerima tawaran sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga yang diterima.
- 8.2 MDJ juga berhak untuk menerima sebahagian atau keseluruhan cadangan dalam tawaran sebutharga.
- 8.3 Keputusan MDJ adalah muktamad dan MDJ tidak akan teragak-agak untuk memberi apa-apa alasan bagi penolakan mana-mana sebutharga.

9.0 PERJANJIAN KONTRAK

- 9.1 Penyebutharga yang berjaya jika perlu, adalah dikehendaki mengikat kontrak dengan MDJ bagi kerja-kerja yang akan dijalankan seperti yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebutharga.
- 9.2 Denda akan dikenakan dalam kontrak jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak supaya kerja-kerja dilaksanakan dengan baiknya. Berdasarkan perjanjian kontrak, penerimaan MDJ disertai dengan pengesahan penyebutharga yang berjaya akan terikat dengan kontrak di antara MDJ dengan penyebutharga tanpa mengambil kira perjanjian kontrak disediakan dilaksanakan atau tidak dilaksanakan.
- 9.3 Penyebutharga yang berjaya mesti menanggung sendiri risiko berkenaan kontrak mengikut syarat-syarat, spesifikasi dan jadual sebahagiannya mestilah menurut status, peraturan atau melalui undang-undang dan keperluan mana-mana kebenaran.

10.0 PENERIMAAN SEBUTHARGA

- 10.1 MDJ akan memberi notis bertulis kepada penyebutharga yang berjaya apabila sebutharganya disetujuterima. Notis ini boleh mengandungi syarat-syarat kontrak sebagai tambahan kepada syarat-syarat yang dilampirkan bersama ini dan sekiranya demikian sebutharga ini tidaklah boleh dipertimbangkan sehingga syarat tambahan ini dipersetujui oleh penyebutharga yang berjaya.

11.0 PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN, POLISI INSURANS DAN LAIN-LAIN

- 11.1 Penyebutharga adalah dikehendaki menyempurnakan perkhidmatan kawalan keselamatan serta semua yang berkaitan dalam tempoh satu (1) tahun bermula 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018.
- 11.2 Penyebutharga dikehendaki menyediakan satu jadual pelaksanaan yang terperinci dan lengkap bagi tujuan perkhidmatan yang dicadangkan kepada MDJ.
- 11.3 Pengawal Keselamatan yang ditugaskan perlula mempunyai kemahiran dan berpengalaman.
- 11.4 Pengawal Keselamatan perlu menjamin dan melindungi keselamatan harta, dokumen, pegawai dan kakitangan MDJ.
- 11.5 Pengawal keselamatan perlu menghubungi pegawai MDJ yang bertanggungjawab dan melaporkan sekiranya terdapat perkara yang menimbulkan syak atau di luar kebiasaan.
- 11.6 Pengawal Keselamatan hendaklah mengambil insurans bagi setiap Pengawal dan mana-mana pekerja yang ditugaskan melaksanakan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini terhadap apa-apa kecederaan yang dialami oleh mereka semasa menjalankan tugas tersebut dan melainkan kecederaan tersebut disebabkan oleh kecuaian MDJ.

12.0 PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

- 12.1 Semua Pengawal Keselamatan dikehendaki menunjukkan budi pekerti yang baik, mempunyai disiplin tentang kelakuan termasuk tutur kata, pakaian dan rambut yang bersesuaian dengan tugas yang dilaksanakan. Pengawal Keselamatan yang tidak mempunyai disiplin akan dilarang masuk ke kawasan pejabat dan bengkel atau dilarang sama sekali dari bekerja di kawasan tersebut.
- 12.2 Pengawal Keselamatan hendaklah memakai pakaian seragam yang lengkap dan bersesuaian dengan imej MDJ.

13.0 MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT

- 13.1 Penyebutharga perlu menyediakan maklumat mengenai syarikat seperti pada **Borang II** dalam dokumen ini.
- 13.2 Penyebutharga perlu menyatakan pengalaman syarikat dalam mengendalikan projek- projek perkhidmatan kawalan keselamatan yang berkaitan dengan mengemukakan latarbelakang projek, nama-nama dan alamat syarikat atau agensi di mana projek tersebut dilaksanakan. Nyatakan tarikh projek tersebut selesai dan tarikh sebenar projek tersebut sepatutnya diselesaikan. Sila nyatakan projek-projek yang masih dikendalikan dan tarikh projek tersebut dijadualkan tamat seperti pada **Borang III** dalam dokumen ini.

14.0 JADUAL BAYARAN

- 14.1 Semua harga sebutharga mestilah di dalam **Ringgit Malaysia** dan berdasarkan kepada format yang disediakan. Tawaran Harga yang dikemukakan mestilah dinyatakan dalam angka yang tepat bagi unit harga dan jumlah harga (termasuk kos-kos yang berkaitan).
- 14.2 Pembayaran tidak akan dikeluarkan sehingga perkhidmatan tersebut dilaksanakan dengan lengkap dan sempurna serta disahkan oleh pegawai MDJ yang diberi kuasa bagi perkhidmatan yang dijalankan setiap bulan.

15.0 PENENTUAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN

- 15.1 Perakuan penerimaan hanya akan dibuat setelah perkhidmatan kawalan keselamatan tersebut disemak setiap bulan oleh pegawai MDJ yang diberi kuasa.
- 15.2 Pegawai tersebut berhak membuat penolakan terhadap perkhidmatan yang rendah kualiti atau tidak mengikut penentuan spesifikasi sepertimana yang dinyatakan di Dokumen Sebutharga.
- 15.3 Lokasi bagi perkhidmatan kawalan keselamatan tersebut adalah seperti berikut:-

**Majlis Daerah Jeli (MDJ),
17600 Jeli,
Kelantan.
TEL: 09-9440023**

16.0 KEPUTUSAN TAWARAN SEBUTHARGA

- 16.1 Keputusan tawaran sebutharga dan syarikat yang berjaya akan disiarkan di dalam Laman Web MDJ (www.mdjeli.gov.my). Penyebutharga boleh menyemak status tawaran dalam tempoh diantara satu (1) bulan hingga dua (2) bulan selepas tarikh tutup sebutharga. Bagi penyebutharga yang namanya tidak disiarkan di Laman Web MDJ adalah dianggap tidak berjaya dalam sebutharga tersebut.

17.0 TARIKH TUTUP

- 17.1 Tarikh tutup sebutharga adalah **jam 12.00 tengahari pada 31hb Oktober 2017 (Selasa)**. Sebutharga-sebutharga hendaklah dikemukakan kepada Majlis Daerah Jeli pada atau sebelum waktu dan tarikh tersebut. Sebutharga-sebutharga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

BAHAGIAN II

PENENTUAN SPESIFIKASI

SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI PEJABAT DAN PADANG ISTIADAT MAJLIS DAERAH JELI, KELANTAN (MDJ) BAGI KAWALAN KESELAMATAN PEJABAT MAJLIS DAERAH JELI UNTUK TEMPOH SATU TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2018 HINGGA 31 DISEMBER 2018

(SEBUTHARGA BIL : MDJ 621.K.SH.17/01)

1.0 LOKASI

Majlis Daerah Jeli,
17600 Jeli,
Kelantan.
Tel : 09-9440023

Pegawai untuk dihubungi: **En. Saimi bin Hamat atau Pn. Norsemadiah binti Ismail**

2.0 KELUASAN KAWASAN

5 Ekar termasuk bangunan dan bengkel kerja kayu

3.0 PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN YANG DIPERLUKAN

Satu (1) atau dua (2) orang pengawal bertugas pada setiap masa yang telah ditetapkan termasuk hari cuti Jumaat dan Sabtu serta hari Kelepasan Am.

Isnin hingga Ahad (termasuk Hari Kelepasan Am)

Kawalan 24 jam sebagaimana berikut:

7.00 pagi – 7.00 malam (Siang) -	1 orang pengawal bertugas
7.00 malam – 7.00 pagi (Malam) -	2 orang pengawal bertugas
Jumlah Pengawal Keselamatan -	3 orang

4.0 KEANGGOTAAN PENGAWAL DAN KELENGKAPAN

Anggota yang terlatih.

- a) Warganegara Malaysia berumur antara 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 60 tahun.
- b) Sihat tubuh serta deria penglihatan yang baik dan tidak buta warna atau cacat pendengaran.
- c) Tidak mempunyai rekod jenayah.
- d) Berpakaian seragam lengkap dengan tanda nama.
- e) Dibekalkan dengan cotar, wisel, lampu picit, baju hujan dan lain-lain yang berkaitan.

- f) Setiap giliran hendaklah tidak melebihi 8 jam iaitu pengawal hendaklah bertukar sekurang-kurangnya sekali dalam 8 jam.
- g) Mempunyai kemahiran dan terlatih dalam aspek keselamatan dan kebakaran, cekap dan berwibawa ditugaskan untuk memberikan Perkhidmatan.

5.0 **TANGGUNGJAWAB**

- a. Melindungi bangunan, store/nursery serta kawasan yang dipertanggungjawabkan termasuk isi kandungan, pekerja dan pelawat.
- b. Menyelia dan menyelenggara peraturan di Pos Kawalan serta menolong menyelesaikan sebarang permintaan bantuan yang diperlukan oleh orang ramai atau pekerja setempat atau mengendalikan pemberian maklumat (Information Centre).
- c. Menjaga keselamatan kunci yang diamanahkan bawah pengawasan dan seliaan pengawal keselamatan, tidak membuat kunci pendua serta tidak menyerahkan kunci kepada pihak ketiga. Sekiranya sebarang ketidakpatuhan ditemui samada secara sengaja atau tidak sengaja, tindakan akan diambil terhadap pihak syarikat.
- d. Mengawasi serta menguatkuasakan apa-apa sistem yang dipakai dalam aspek pengenalan kakitangan, kenderaan, pemeriksaan semua bungkusan dan kenderaan dan menghalau sebarang setiap orang yang keluar atau masuk kawasan tanpa kebenaran.
- e. Melakukan pemeriksaan mengikut tempoh waktu tertentu ke atas semua kawasan bagi memastikan keadaan keselamatan terjamin.
- f. Bertindak bagi pihak pengurusan dalam hal menjaga ketenteraman dan membuat laporan sebarang kejadian yang berkaitan.
- g. Memberi bantuan mula terhadap keperluan kecemasan termasuk memadam kebakaran dan kecederaan serta lain-lain tindakan yang wajar dikenakan.
- h. Syarikat bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kemuksahan harta benda MDJ akibat kecuaian anggotannya.

- i. Seorang penyelia perlu dilantik dan hendaklah menyenggara buku laporan harian dan memastikan ia dilengkapkan pada setiap hari oleh Pengawal yang bertugas.
- j. Pengawal yang bertugas hendaklah membuat aduan (serta merta bagi keadaan kecemasan) dan laporan dalam buku laporan harian berhubung setiap peristiwa atau apa-apa kejadian keselamatan.
- k. Penyebutharga hendaklah menghantar laporan keanggotaan dan keadaan keselamatan setiap hari dan mengemukakannya kepada wakil **KERAJAAN** untuk semakan.
- l. Laporan bagi sesuatu hari itu hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada pukul 9.00 pagi hari yang berikutnya.
- m. Pihak syarikat kawalan keselamatan hendaklah menyediakan peralatan yang sesuai digunakan pada waktu hujan seperti baju hujan, topi dan kasut kalis hujan untuk memudahkan pengawal keselamatan menjalankan tugas sekiranya hujan.
- n. Menyediakan peralatan tambahan yang bersesuaian seperti lampu suluh, baju 'reflective' dan cota bagi kerja-kerja rondaan malam.
- o. Memastikan pematuhan waktu rondaan yang telah ditetapkan.

BAHAGIAN III

BORANG-BORANG

JADUAL HARGA

Penyebutharga dikehendaki memberi butir-butir Sebutharga yang berdasarkan jadual harga yang ditawarkan di dalam jadual kerja dan borang tawaran seperti berikut:

1. Kos perkhidmatan pengawal keselamatan :
(Kos sejam x jam bekerja x hari x Bil. Pengawal Keselamatan)

RM _____ sejam X 12 jam X 30.5 X 3 orang = RM _____

A. JUMLAH SEBULAN : RM.....

**(Ringgit Malaysia :
.....)**

B. Jumlah Keseluruhan untuk Satu (1) tahun RM
.....)

Nota:

Penyebutharga hendaklah mengikut kadar gaji minima pengawal keselamatan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Buruh.

SOAL SELIDIK PROFIL SYARIKAT

Arahan : Semua butir-butir dalam ruangan yang dinyatakan di bawah ini hendaklah dilengkapkan oleh penyebutharga dengan betul dan tepat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran sebutharga ditolak dan tidak dipertimbangkan. Gunakan lampiran lain jika perlu.(kepaskan salinan borang akaun pemilikan yang berkenaan).

Butir-butir Syarikat

1. No Pendaftaran Syarikat: Tarikh Tamat:
2. No. Pendaftaran Kem. Kewangan: Tarikh Tamat:
3. Taraf Syarikat*: Bumiputera/ Bukan Bumiputera
4. Peratus Modal:% Bumiputera /% Bukan Bumiputera /% Lain-lain
5. Tempoh Sah Pengiktirafan Syarikat bumiputera: hingga
6. Jenis Syarikat*: Perseorangan/ Perkongsian/ Sdn. Bhd./ Lain-lain(Nyatakan)
7. No. Telefon syarikat : No. Faks syarikat:
8. Alamat Syarikat :
.....
9. Pegawai untuk dihubungi: No. Telefon:
10. Tempoh Sah Laku Harga Tawaran Sebutharga :(Min 90 hari)
11. Tempoh siap kerja :(satu (1) tahun, Sila nyatakan, wajib)

Butir-butir Modal

1. Modal Dibenarkan : RM.....
2. Modal Dibayar : RM.....

Pemegang Saham

Senarai Pemegang-pemegang Saham

Bil.	Nama/Jawatan	No. K/P	% Pegangan
1.
2.
3.

- Sila potong yang tidak berkenaan

PENGALAMAN DAN KEUPAYAAN SYARIKAT

1. Sila nyatakan dan sertakan kedudukan bilangan kakitangan teknikal, tahun pengalaman dan kelayakan.

2. Kerja dalam tangan atau projek yang masih dikendalikan yang melibatkan nama organisasi, jenis kerja, lokasi dan tarikh projek tersebut dijadualkan tamat.
Ringkasan seperti jadual di bawah :

Nama Syarikat / Organisasi serta Lokasi	Jenis Kerja / Skop Projek	Tempoh dan Tarikh Dijadualkan Tamat	Nilai projek (RM)

3. Senarai pengalaman dalam perkhidmatan kawalan keselamatan atau yang berkaitan sekurang- kurangnya selama tiga (3) tahun lepas atau semasa.

BORANG AKUAN SEBUTHARGA

Kepada :

Majlis Daerah Jeli,
17600 Jeli,
Kelantan.

Tuan,

NOMBOR RUJUKAN SEBUTHARGA : MDJ.621.K.SH.17/01

SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI PEJABAT DAN PADANG ISTIADAT MAJLIS DAERAH JELI, KELANTAN (MDJ) BAGI KAWALAN KESELAMATAN PEJABAT MAJLIS DAERAH JELI UNTUK TEMPOH SATU TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2018 HINGGA 31 DISEMBER 2018

Merujuk kepada iklan tuan berkenaan perkara di atas, dan tertakluk kepada Arahan dan Syarat-syarat Kepada Penyebutharga. Pihak yang bertandatangan di bawah menawarkan untuk perkhidmatan kawalan keselamatan seperti mana sebahagian yang terkandung dalam dokumen ini, bersetuju dengan spesifikasi yang dinyatakan dan pelbagai kadar yang ditetapkan oleh pihak yang bertandatangan di bawah berserta senarai harga yang disertakan bersama sebutharga.

Pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk terikat seperti mana yang ternyata dalam Arahan dan Syarat-syarat Kepada Penyebutharga, spesifikasi dan jadual harga, dan bersetuju dengan harga berdasarkan kepada nilai barang secara individu yang dibekalkan dari semasa ke semasa.

Dan selanjutnya, pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk menyiapkan kerja-kerja seperti di atas dalam tempoh jaminan, pentaulahan dan bekerja mengikut Arahan dan Syarat-syarat Kepada Penyebutharga yang diberikan.

Sebagaimana yang telah difahami, pihak tuan boleh menerima atau menolak sebutharga kami sama ada ianya lebih tinggi atau lebih rendah dari sebutharga lain atau sama. Sebutharga ini akan sentiasa sah selama sembilan puluh hari (90) hari dari tarikh penyerahan sebutharga dan tempoh serah bekalan atau siap kerja atau kontrak adalah seperti berikut (satu (1) tahun).

Dan selanjutnya, pihak bertandatangan di bawah bersetuju sekiranya pihak tuan menerima sebutharga ini untuk menyediakan penyataan penerimaan deposit Bon Pelaksanaan sekiranya dipohon.

Pihak bertandatangan di bawah pasti, selepas penelitian, dokumen yang digunakan dalam sebutharga ini adalah salinan asal seperti yang termasuk dalam cadangan sebutharga.

Tandatangan
Penyebutharga:

Tandatangan
Saksi kepada
Penyebutharga:

Nama dan alamat syarikat
Nama Pegawai

Nama dan alamat syarikat
Nama Pegawai

Tarikh:

Tarikh:

SURAT AKAUN PEMBIDA
BAGI

SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI PEJABAT DAN PADANG ISTIADAT MAJLIS DAERAH JELI, KELANTAN (MDJ) BAGI KAWALAN KESELAMATAN PEJABAT MAJLIS DAERAH JELI UNTUK TEMPOH SATU TAHUN BERMULA 1 JANUARI 2018 HINGGA 31 DISEMBER 2018

(SEBUTHARGA BIL:)

Saya,..... nombor K.P. yang mewakil
(Nama Wakil Syarikat)

..... nombor pendaftaran
(Nama Syarikat) **(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)**

dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Majlis Daerah Jeli (MDJ) atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat diatas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebutharga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebutharga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebutharga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama:

No. KP:

Tarikh:

Cop Syarikat:

SEBUTHARGA/TENDER UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN

Kepada:
.....
.....
.....

Pelawaan sebutharga/tender dikeluarkan oleh:
**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH JELI,
17600 JELI, KELANTAN**

Tarikh:.....

1. Sila sebutharga/tender untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Syarat-syarat Penyerahan: **SEPERTI DIARAHKAN**
3. Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki: **AKAN DITENTUKAN**
4. Arahan Pengiriman : **YANG DIPERTUA, MAJLIS DAERAH JELI**
5. Pembayaran : **MELALUI INDEN KERJA**
6. Sebutharga/Tender mestilah sampai ke alamat di atas pada atau sebelum pukul **12:00 TGH** dan hendaklah sah selama **90 hari** selepas itu.
7. Sebutharga/Tender mestilah dimasukkan ke dalam satu sampul surat bermetri bertanda Sebutharga/Tender : MDJ 621.K.SH.17/01

Tandatangan :

Tarikh :

Jawatan :

Butiran No.	Perihal Barang-barang/Perkhidmatan dan Syarat-Syarat Khas	Kuantiti	Kadar	Harga
	Sebutharga bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata Api) di Pejabat dan Padang Istiadat Majlis Daerah Jeli, Kelantan. Diskaun : Tarikh Penyerahan ditawarkan:	HARGA KUANTITI (PROVISIONAL)	JUMLAH	

Diskaun perniagaan, diskau tunai, diskau pembayaran cepat dan lain-lain diskau, dan apa-apa bayaran tambahan (misalnya cukai dan belanja membungkus) hendaklah ditunjukkan.

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga syarat-syarat ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Penender :

Tarikh :

Alamat :